

28 APR 1996

Mahathir - Jemput

UMNO TIDAK MENGAMALKAN ADAT MENJEMPUT, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 28 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak perlu membuat tawaran kepada Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah untuk menyertai Umno kerana menjemput seseorang untuk menyertai Umno bukan adat parti.

Perdana Menteri berkata : "Mengikut adat Umno, kita tidak menjemput seseorang untuk menyertai parti kita."

Dr Mahathir berkata: "Saya dulu pernah dibuang dari Umno tetapi saya masuk balik ... saya masuk balikkpun tak ada jemputan".

Semua orang, termasuk Tengku Razaleigh, jika ingin menyertai Umno harus memohon dengan mengisi borang, katanya kepada pemberita ketika ditemui di rumah terbuka beliau sempena Aidiladha yang diadakan di Dewan Jitra, di sini.

Semalam, Tengku Razaleigh berkata beliau tidak menolak kemungkinan menyertai Umno sekiranya mendapat tawaran rasmi daripada parti itu.

Ketika ditanya implikasi kepada perpaduan parti jikalau Tengku Razaleigh menyertai Umno, Dr Mahathir berkata perpaduan Umno akan tetap macam biasa.

Lebih 5,000 orang daripada pelbagai kaum menghadiri rumah terbuka Perdana Menteri yang diadakan mulai 10 pagi hingga 3 petang.

Yang turut menghadiri rumah terbuka itu Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff, anggota-anggota Exco kerajaan negeri dan beberapa kenamaan lain.

Selepas majlis rumah terbuka itu Dr Mahathir berlepas ke Kubur Panjang, Pendang, bagi menghadiri majlis ramah mesra dengan penduduk di situ.

Perdana Menteri balik ke Kuala Lumpur petang ini selepas dua hari berada di Kedah.

Sementara itu di KEPALA BATAS, PULAU PINANG, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata Tengku Razaleigh patut menyertai semula Umno sekiranya beliau merasakan bahawa semangatnya masih kental bersama parti itu.

"Jika Tengku Razaleigh berkata bahawa semangatnya masih bersama Umno, dia patut menyertai semula Umno," kata Abdullah ketika ditemui di majlis rumah terbukanya, di sini.

Abdullah, seorang anggota Majlis Tertinggi Umno, berkata: "Kita sudah mempelawa dia dan terpulanglah kepada dia untuk membuat keputusan."

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan mengubah dasarnya terhadap Chechnya berikutan kematian pemimpin pejuang pemisah, Dzhokhar Dudayev, beliau berkata dasar itu kekal.

"Dasar Malaysia terhadap Chechnya tidak ditentukan oleh siapa pemimpinnya kerana siapa juga yang dilantik menjadi pemimpinnya hak mereka," katanya. -- Bernama

RA AHH